



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN DAN PENGESAHAN UJIAN BERJALAN PEDOMETER UNTUK MENGANGGAR KECERGASAN FIZIKAL

oleh

SITI HARTINI BT AZMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

| | |
|-----------------------|-----|
| PENGHARGAAN | ii |
| KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | xi |
| ABSTRAK | xii |
| ABSTRACT | xiv |

BAB SATU PENGENALAN

| | | |
|------|-----------------------------|----|
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 9 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 12 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 13 |
| 1.6 | Hipotesis | 14 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 15 |
| 1.8 | Batasan Kajian | 16 |
| 1.9 | Definisi Operasional Kajian | 18 |
| 1.10 | Rumusan | 22 |

BAB DUA SOROTAN LITERATUR

| | | |
|-----|-------------|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 24 |
|-----|-------------|----|





| | | |
|-------|---|----|
| 2.2 | Hubungan Kecergasan Fizikal, Aktiviti Fizikal dan Senaman | 24 |
| 2.3 | Pengambilan Oksigen Maksimum | 35 |
| 2.4 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 42 |
| 2.4.1 | Kesahan | 42 |
| 2.4.2 | Kebolehpercayaan | 46 |
| 2.4.3 | Ujian makmal dan Ujian Lapangan | 47 |
| 2.4.4 | Kesahan Kriteria Ujian Makmal dan Ujian Lapangan | 48 |
| 2.5 | Kajian Pembinaan dan Pengesahan Ujian | 55 |
| 2.6 | Pedometer | 58 |
| 2.6.1 | Fungsi Pedometer | 58 |
| 2.6.2 | Kepentingan Pedometer | 59 |
| 2.6.3 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Pedometer | 65 |
| 2.7 | Ujian Teori Klasik | 67 |
| 2.8 | Kerangka Konsep | 71 |
| 2.9 | Rumusan | 76 |

**BAB TIGA****METODOLOGI KAJIAN**

| | | |
|-------|--------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 78 |
| 3.2 | Reka bentuk kajian | 78 |
| 3.3 | Variabel Kajian | 79 |
| 3.3.1 | Variabel Bersandar | 80 |
| 3.3.2 | Variabel Tidak Bersandar | 80 |
| 3.4 | Sampel Kajian | 81 |





| | | |
|--------|--|-----|
| 3.5 | Pembinaan dan Pentadbiran Ujian Berjalan | |
| | Pedometer | 85 |
| 3.5.1 | Garis Panduan Pembinaan Ujian | 85 |
| 3.5.2 | Prosedur Pentadbiran Ujian | 89 |
| 3.6 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Ujian Berjalan | |
| | Pedometer | 91 |
| 3.7 | Kebolehpercayaan Pembantu Lapangan | 95 |
| 3.8 | Tatacara Pengumpulan Data | 96 |
| 3.8.1 | Data Antropometrik | 97 |
| 3.8.2 | Kebenaran Menjalankan Kajian | |
| | Daripada Subjek | 97 |
| 3.8.3 | Soal selidik PAR-Q | 97 |
| 3.8.4 | Prosedur Umum Sebelum Ujian Lapangan dan Ujian Makmal | 98 |
| 3.9 | Instrumen dan Protokol Ujian | 99 |
| 3.9.1 | Prosedur Ujian Cooper | 99 |
| 3.9.2 | Ujian Berjalan Kaki Rockport | 101 |
| 3.9.3 | Ujian Berjalan Kaki Submaksimum Menggunakan Pedometer | 102 |
| 3.9.4 | Ujian Makmal - Protokol Treadmill STEEP | 105 |
| 3.10 | Analisis Data | 108 |
| 3.10.1 | Analisis Deskriptif | 109 |
| 3.10.2 | Analisis Inferensi | 109 |
| 3.11 | Rumusan | 111 |



**BAB EMPAT****DAPATAN KAJIAN**

| | | |
|-----------|--|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 112 |
| 4.2 | Analisis Data Deskriptif | 114 |
| 4.3 | Taburan Normal Kajian Satu | 116 |
| 4.4 | Taburan Normal Kajian Dua | 117 |
| 4.5 | Hipotesis Kajian/Persoalan Kajian | 118 |
| 4.5.1 | Kriteria pembinaan ujian berjalan pedometer yang dapat menganggar kecergasan fizikal | |
| 4.5.1 (a) | Menggunakan persamaan metabolik ACSM untuk mendapat nilai VO ₂ max ujian berjalan menggunakan pedometer | 118 |
| 4.5.1 (b) | Kebolehpercayaan Interclass Ujian Pedometer | |



4.5.1 (c) Kebolehpercayaan Interclass Instrumen

| | | |
|-----------|--|-----|
| | (Antara Ujian) | 121 |
| 4.5.1 (d) | Objektiviti (Kebolehpercayaan antara Penguj) i | 122 |
| 4.5.2 | Hipotesis nol | 123 |
| 4.6 | Rumusan | 128 |

BAB LIMA**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

| | | |
|-----|----------------------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 129 |
| 5.2 | Rumusan Dapatan Kajian | 130 |
| 5.3 | Cadangan Kajian Masa Depan | 138 |
| 5.4 | Kesimpulan | 139 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN

141

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

viii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Muka Surat

| | | |
|------------|---|-----------|
| Jadual 2.1 | Ciri-ciri Aktiviti Fizikal dan Senaman | 25 |
| Jadual 2.2 | Penaksiran Kecergasan Kardiorespiratori ($VO_2\text{max}$) | 40 |
| Jadual 3.1 | Pemilihan Subjek Peringkat Kedua (Ujian Makmal) | 82 |
| Jadual 3.2 | Hari Pengujian Ujian Lapangan | 96 |
| Jadual 3.3 | Pembahagian Subjek Mengikut Hari Pengujian di Makmal | 97 |
| Jadual 3.4 | Garis Panduan Teknik Berjalan | 103 |
| Jadual 3.5 | Kriteria Postur Badan | 104 |
| Jadual 3.6 | Protokol STEEP Treadmill | 107 |
| Jadual 3.7 | Skala Borgs <i>ratings of perceived exertion</i> | 108 |
| Jadual 3.8 | Ringkasan statistik | 110 bupsi |
| Jadual 4.1 | Bilangan Subjek Berdasarkan Jantina bagi Ujian Lapangan ($n = 40$) | 113 |
| Jadual 4.2 | Taburan Sampel Berdasarkan Tinggi, Berat, Umur dan Indeks Jisim Badan Subjek Lelaki ($n = 20$) | 114 |
| Jadual 4.3 | Taburan Sampel Berdasarkan Tinggi, Berat, Umur dan Indeks Jisim Badan Subjek Perempuan ($n = 20$) | 114 |
| Jadual 4.4 | Taburan Sampel $VO_2\text{max}$ bagi Ujian Berjalan Pedometer, Ujian Cooper dan Ujian Rockport Subjek Lelaki ($n = 40$) | 115 |
| Jadual 4.5 | Taburan Sampel $VO_2\text{max}$ bagi Ujian Berjalan Pedometer, Ujian Cooper dan Ujian Rockport Subjek Perempuan ($n = 20$) | 115 |





| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.6 | Bilangan Subjek Berdasarkan Jantina bagi Ujian Makmal ($n = 16$) | 116 |
| Jadual 4.7 | Taburan Normal Kajian Satu ($n = 40$) | 117 |
| Jadual 4.8 | Taburan Normal Kajian Dua ($n = 16$) | 118 |
| Jadual 4.9 | Persamaan Berjalan ACSM Subjek Lelaki | 119 |
| Jadual 4.10 | Persamaan Berjalan ACSM Subjek Perempuan | 120 |
| Jadual 4.11 | Korelasi antara Percubaan Pertama dan Percubaan Kedua Ujian Berjalan Menggunakan Pedometer ($n = 40$) | 121 |
| Jadual 4.12 | Korelasi antara Percubaan Pertama dan Percubaan Kedua Ujian Berjalan Menggunakan Pedometer, Ujian Cooper dan Ujian Rockport ($n = 40$) | 121 |
| Jadual 4.13 | Korelasi antara Penguji, Pembantu 1 dan Pembantu 2 bagi Ujian Berjalan Menggunakan Pedometer, Ujian Cooper dan Ujian Rockport ($n = 10$) | 122 |
| Jadual 4.14 | Korelasi VO ₂ max bagi Ujian Berjalan Menggunakan Pedometer, Ujian Cooper, Ujian Berjalan Rockport dan Protokol Treadmill ($n = 16$) | 123 |
| Jadual 4.15 | Korelasi Separa bagi Langkah, Jarak, Indeks Jisim Badan dan Kadar Nadi | 125 |
| Jadual 4.16 | Analisis Varians Regresi Berganda bagi Variabel Peramal terhadap VO ₂ max Ujian Berjalan Pedometer | 126 |
| Jadual 4.17 | Model Regresi bagi Variabel Peramal terhadap VO ₂ max Ujian Berjalan Pedometer | 127 |
| Jadual 4.18 | Analisis Regresi Berganda bagi Variabel Peramal terhadap VO ₂ max Ujian Berjalan Pedometer | 127 |





SENARAI RAJAH

Muka Surat

| | | |
|-----------|--|-----|
| Rajah 2.1 | Hubungan jenis aktiviti fizikal. | 26 |
| Rajah 2.2 | Komponen kecergasan fizikal. | 27 |
| Rajah 2.3 | Perhubungan relevan dan kebolehpercayaan dalam kesahan ujian. | 44 |
| Rajah 2.4 | Klasifikasi bukti kesahan ujian | 45 |
| Rajah 2.5 | Kelebihan psikologikal kecergasan berjalan. | 61 |
| Rajah 2.6 | Persamaan metabolism bagi <i>gross VO₂max</i> dalam unit metrik. | 64 |
| Rajah 2.7 | Model Bouchard dan Shephard: Hubungan antara aktiviti fizikal, kecergasan fizikal dan kesihatan. | 72 |
| Rajah 2.8 | Kerangka konseptual. | 75 |
| Rajah 3.1 | Reka bentuk kajian. | 79 |
| Rajah 3.2 | Carta aliran garis panduan pembinaan ujian psikomotor. | 85 |
| Rajah 3.3 | Paradigma tiga peringkat untuk kajian pengesahan. | 92 |
| Rajah 4.1 | Plot Bland-Altman | 124 |





PEMBINAAN DAN PENGESAHAN UJIAN BERJALAN PEDOMETER

UNTUK MENGANGGAR KECERGASAN FIZIKAL

ABSTRAK

Penggunaan ujian makmal bagi mendapatkan tahap kecergasan $VO_{2\max}$ memerlukan kos yang tinggi serta sukar untuk dilaksanakan. Alternatif ujian lapangan (Ujian Berjalan Pedometer) dapat memudahkan orang ramai untuk mendapatkan tahap kecergasan dengan pemantauan sendiri. Tujuan kajian ini ialah untuk membina Ujian Berjalan Pedometer bagi menganggar kecergasan fizikal seterusnya mengesahkan skor daripada Ujian Berjalan Pedometer dengan ujian yang telah kukuh dan telah disahkan melalui kesahan rujukan kriteria (sejajar dan ramalan). Fokus kajian secara khusus bertujuan menggunakan persamaan metabolik untuk mendapat

VO_{2max} ujian berjalan menggunakan pedometer; kebolehpercayaan interclass ujian pedometer; kebolehpercayaan interclass instrumen objektiviti. Kajian ini juga bertujuan mengkaji kesahan sejajar untuk melihat hubungan antara skor anggaran $VO_{2\max}$ Ujian Berjalan Pedometer dengan Protokol Treadmill, Ujian Berjalan Rockport dan Ujian Cooper; kesahan ramalan untuk variabel peramal seperti langkah, jarak, Indeks Jisim Badan dan kadar nadi terhadap varians dalam menganggar $VO_{2\max}$ untuk Ujian Berjalan Pedometer. Persampelan telah dilakukan secara dua peringkat iaitu 40 orang subjek pada kajian lapangan dan 16 orang subjek untuk ujian makmal. Data diperolehi dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Analisis data melibatkan penggunaan min, sisihan piawai, peratus, korelasi dan regresi pelbagai. Kajian mendapati Ujian Berjalan Pedometer mempunyai perkaitan antara Ujian Cooper, Ujian Rockport dan ujian makmal. Selain itu, variabel jarak memberi sumbangan yang besar terhadap Ujian Berjalan Pedometer dan menunjukkan lebih





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

banyak jarak yang dilalui maka VO₂max turut meningkat. Implikasi kajian ini, dengan penggunaan telefon pintar yang semakin berkembang telah memudahkan orang ramai dapat mengaplikasikan Ujian Berjalan Pedometer sebagai ujian alternatif untuk menganggar kecergasan fizikal dan seterusnya mengamalkan gaya hidup sihat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



THE DEVELOPMENT AND VALIDATION OF Pedometer Walking Test to Predict Physical Fitness

ABSTRACT

The usage of laboratory test to obtain $\text{VO}_{2\text{max}}$ fitness level is very expensive and hardly implemented. Alternatively, field test (Pedometer Walking Test) may help the public to obtain the fitness level by self monitoring. The purpose of this study is to develop a Pedometer Walking Test to predict a physical fitness and to validate the score of which were tested and validated by the validity of the reference criteria (concurrent and prediction). The research focus specifically aimed at using metabolic equations to gain $\text{VO}_{2\text{max}}$ Pedometer Walking Test; reliability of interclass pedometer test; reliability of interclass instruments objectivity. This study is also aimed at examining the concurrent validity in order to see the relationship between $\text{VO}_{2\text{max}}$ estimated score with the treadmill protocols, Rockport and Cooper Walking Tests, validity of predictive variables such as steps, distance, Body Mass Index (BMI) and the heart rate against variants in estimating $\text{VO}_{2\text{max}}$ Pedometer Walking Test. Sampling was carried out in two stages; 40 subjects for field test and 16 subjects for laboratory tests. Data was obtained using quantitative methods and analysed with the applications of mean, standard deviation, percentage, correlations and multiple regressions. This study revealed that Pedometer Walking Test is related to Cooper test, Rockport test and laboratory test. Moreover the distance variables have given a great contribution to Pedometer Walking Test and also have indicated that longer distance travelled will increase the $\text{VO}_{2\text{max}}$. Furthermore, the development of smartphone application have facilitated the public of applying Pedometer Walking





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Test as an alternative test to predict a physical fitness and finally lead a healthy lifestyle.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penyakit kardiovaskular (CVD) merupakan penyebab utama kematian dan kecacatan di negara-negara yang berkembang maju (WHO, 2005). Laporan World Health Organization (2005), menunjukkan berlaku peningkatan jumlah kematian setiap tahun berpunca daripada CVD selain penyebab lain. Sekitar 17.1 juta orang meninggal dunia kerana CVD pada tahun 2004 dan jumlah ini merupakan satu pertiga daripada jumlah kematian seluruh dunia (WHO, 2005). Amerika Syarikat membelanjakan 300 billion USD untuk menanggung kos perubatan, penjagaan kesihatan, kehilangan produktiviti kerana kecacatan, dan kematian awal (Wang et al., 2002; Wang, Pratt, Macera, Zheng, & Heath, 2004).



Ketidakaktifan fizikal adalah masalah kesihatan yang serius (Vanhees et al., 2005). Menurut Vanhees et al. (2005), kajian epidemiologi telah menunjukkan bahawa gaya hidup sedentari akan menyumbang kepada tercetusnya perkembangan awal penyakit kardiovaskular atherothrombotik yang dikaitkan dengan dua kali ganda risiko kematian awal. Perubahan gaya hidup telah menyebabkan individu kurang melakukan aktiviti fizikal, mengambil corak pemakanan yang tidak sihat dan penggunaan tembakau telah menyumbangkan kepada 80 peratus penyebab CVD dan punca kematian (WHO, 2005). Hal ini berlaku apabila individu yang kurang melakukan aktiviti fizikal akan menyebabkan peningkatan perkembangan faktor





biologi seperti tekanan darah tinggi, pertahanan insulin dan disleksia (Grundy, Brewer, Cleeman, Smith, & Lenfant, 2004; Thompson et al., 2003).

Selain itu, World Health Organization (2005) menganggarkan menjelang tahun 2030, hampir 23.6 juta orang akan meninggal dunia sebagai akibat CVD. Oleh sebab itu, sekiranya tiada langkah pencegahan dan kawalan diambil CVD akan menjadi punca utama kematian global (Lloyd-Jones et al., 2010).

Sejak empat dekad kadar kematian akibat strok dan penyakit jantung secara berterusan merupakan punca utama morbiditi dan kematian di Amerika Syarikat (Lloyd-Jones et al., 2010). Beban penyakit kardiovaskular dan strok yang meningkat saban tahun menyebabkan kualiti hidup semakin berkurang dan secara tidak langsung mengakibatkan kos perubatan yang besar (Lloyd-Jones et al., 2010). Menurut kajian Wang et al. (2004), beban ekonomi yang tinggi menunjukkan perkaitan dengan masalah CVD. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk menggalakkan serta menyedarkan kepentingan aktiviti fizikal dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, *American Heart Association* (AHA) mensasarkan objektif untuk meningkatkan tahap kesihatan kardiovaskular penduduknya sebanyak 20 peratus manakala mengurangkan kadar kematian akibat penyakit kardiovaskular dan strok sebanyak 20 peratus (Lloyd-Jones et al., 2010).

Laporan *Physical Activity Guidelines Advisory Committee* (2008), membuktikan individu yang menjalani aktiviti fizikal akan mempunyai tahap kecergasan fizikal yang tinggi, kurang berisiko mendapat penyakit (termasuk penyakit kardiovaskular) dan penyakit kronik berbanding daripada individu yang tidak





menjalani aktiviti fizikal. Selain itu, terdapat hubungan yang konsisten antara pengukuran dalam aktiviti fizikal, kecergasan kardiorespiratori, dan penyakit yang berkaitan dengan kardiovaskular. Melalui ujian dan pengukuran, tahap kecergasan kardiorespiratori seseorang individu dapat dikenal pasti serta dapat dijadikan motivasi untuk meningkatkan prestasi, meneruskan gaya hidup sihat dan sebagai langkah awal untuk mencegah daripada mendapat penyakit (Miller, 2006).

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia perhatian terhadap kecergasan bermula dalam tahun 70-an dengan kewujudan ujian kecergasan. Dengan kesedaran peranan kecergasan kepada pembangunan negara, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melancarkan program ‘Malaysia Cergas’ pada tahun 1985. Usaha ke arah ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia apabila Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dijadikan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga turut menyumbang ke arah kecergasan dengan kempen bertema. Antara kempen yang berdasarkan tingkah laku pada tahun 1998 Senaman dan Kecergasan; 2000 Kehidupan Keluarga yang Sihat; 2001 Kesihatan Mental; dan 2002 Promosi Persekutaran Sihat.

1.2.1 Kecergasan fizikal

Pada masa kini panduan aktiviti fizikal mencadangkan masyarakat perlu bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari (150 minit seminggu). Aktiviti yang boleh menyumbang ke arah memenuhi cadangan seperti sukan berstruktur,





senaman yang dirancang (aktiviti kecergasan, latihan kekuatan) dan aktif secara fizikal dengan hobi rekreasi (contohnya menari dan berkebun). Standard minimum sekurang-kurangnya 10 minit boleh dicapai dengan aktiviti seperti berjalan pantas dan berenang (Ham, Kruger, & Tudor-Locke, 2009).

Menjadi satu keperluan untuk mengenal pasti, mengesahkan dan mencari aktiviti fizikal yang sesuai untuk individu dan populasi terhadap tahap kesihatan awam. Menurut Gabriel, Morrow dan Woolsey (2012), satu usaha yang kritikal dalam mencari penilaian aktiviti fizikal yang tepat apabila terdapat kaitan dengan kualiti kehidupan. Ketekalan dalam pemahaman, penggunaan dan penilaian dalam melakukan aktiviti fizikal akan memberi keputusan yang baik terhadap kesihatan.



Hubungan yang rapat wujud antara aktiviti fizikal, penggunaan tenaga dan kecergasan fizikal dengan kualiti kehidupan (Gabriel et al., 2012). *Physical Activity Guidelines for Americans* (2008) melaporkan pelbagai jenis aktiviti fizikal (seperti aerobik, tahap sederhana, bertenaga, gaya hidup, rintangan/ kekuatan) akan mempengaruhi status kesihatan, kualiti kehidupan dan fungsi fizikal badan manusia.

Peningkatan aktiviti fizikal mempunyai kaitan yang rapat dengan penurunan risiko mendapat penyakit kardiovaskular (Murphy, Nevill, Murtagh, & Holder, 2006). Menurut Lubans et al. (2008) dengan menjalani aktiviti fizikal pada kekerapan yang konsisten akan memberi faedah seperti kesihatan mental yang baik, mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi dan membantu mencegah daripada mendapat penyakit kardiovaskular.





Di Malaysia perhatian terhadap kecergasan bermula dalam tahun 70-an dengan kewujudan ujian kecergasan. Dengan kesedaran peranan kecergasan kepada pembangunan negara, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melancarkan program ‘Malaysia Cergas’ pada tahun 1985. Usaha ke arah ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia apabila Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dijadikan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga turut menyumbang ke arah kecergasan dengan kempen bertema. Antara kempen yang berdasarkan tingkah laku pada tahun 1998 Senaman dan Kecergasan; 2000 Kehidupan Keluarga yang Sihat; 2001 Kesihatan Mental; dan 2002 Promosi Persekutaran Sihat.



1.2.2 Kecergasan kardiovaskular

Sejak 30 tahun lepas $VO_{2\text{max}}$ telah terbukti sebagai peramal tahap kesihatan yang disebabkan oleh penyakit kardiovaskular dan penyebab kematian yang lain (Scribbans, Vecsey, Hankinson, Foster dan Gurd, 2016). Kecergasan kardiovaskular bermaksud kecekapan sistem peredaran dan sistem pernafasan untuk membekalkan oksigen kepada otot secara berterusan pada jangka masa yang panjang semasa melakukan aktiviti dan merupakan komponen terpenting untuk manusia (Nabi, Rafiq dan Qayoom, 2015).

Scanlon dan Sanders (2015) menjelaskan dengan melakukan aktiviti fizikal secara konsisten akan meningkatkan kecekapan sistem peredaran dengan membesarkan otot jantung, membolehkan lebih banyak darah dipom pada setiap





degupan dan meningkatkan jumlah arteri kecil dalam otot rangka terlatih yang akan membekalkan lebih banyak darah ke otot yang bekerja. Aktiviti fizikal juga memperbaiki sistem pernafasan dengan meningkatkan jumlah oksigen yang disedut dan diedarkan ke tisu badan. Tahap kecergasan meningkat apabila keupayaan daya tahan kardiovaskular melebihi tahap purata kapasiti aerobik iaitu kapasiti penggunaan oksigen yang maksimum oleh badan semasa melakukan aktiviti fizikal.

Aktiviti fizikal yang kerap melibatkan penggunaan kumpulan otot besar seperti berjalan, berlari atau berenang akan menghasilkan adaptasi kardiovaskular dan peningkatan kapasiti senaman, ketahanan diri dan kekuatan otot rangka. Lazimnya aktiviti fizikal juga mencegah perkembangan penyakit arteri koronari (CAD) dan mengurangkan gejala pada pesakit penyakit kardiovaskular (CVD); senaman juga dapat mengurangkan risiko penyakit kronik lain seperti diabetes jenis 2, osteoporosis, obesiti, kemurungan, kanser payu dara dan kolon (Thompson et al., 2003).

Terdapat kajian lepas yang dijalankan oleh Das (2013) dan Sinku (2012) bahawa subjek yang tinggal di kawasan luar bandar mempunyai tahap kecergasan kardiovaskular yang lebih tinggi berbanding dengan subjek yang tinggal di kawasan bandar. Kesimpulan kajian mengambil kira faktor gaya hidup masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar lebih banyak melakukan aktiviti fizikal seperti banyak berjalan dan corak pemakanan. Berbanding dengan masyarakat bandar yang lebih cenderung menggunakan kenderaan dan terdedah dengan makanan segera yang lebih mudah didapati.





Menurut Nabi, Rafiq dan Qayoom (2015), kecergasan kardiovaskular pelajar lelaki lebih baik berbanding pelajar perempuan. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk menilai dan membandingkan tahap kecergasan kardiovaskular dikalangan pelajar lelaki dan perempuan. Seramai 30 orang pelajar lelaki dan 27 orang pelajar perempuan yang berumur antara 18 hingga 24 tahun, Penyelidik menggunakan *Queen's College Step Test* untuk mengukur tahap VO₂max. Kesimpulan daripada kajian ini mendapati tahap VO₂max pelajar lelaki lebih baik berbanding pelajar perempuan. Terdapat kemungkinan faktor yang menyumbang adalah kurang melakukan aktiviti fizikal dan tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Polisi mempromosi kesihatan dan program aktiviti fizikal perlu dibentuk untuk membantu meningkatkan tahap kecergasan kardiovaskular.



1.2.3 Pembinaan dan pengesahan Ujian Berjalan Pedometer

Menurut Lubans, Morgan, Callister dan Collins (2008), kajian menyatakan penilaian aktiviti fizikal dengan menggunakan pemantauan sendiri lebih memberi kesan yang menggalakkan untuk individu menjalani aktiviti. Menurut Tudor-Locke dan Lutes (2009) dengan menggunakan pedometer pengguna boleh mendapat maklum balas terus dengan aktiviti yang dijalankan, berguna dalam membuat pemantauan sendiri, penetapan matlamat dan sebagai alat maklum balas serta dapat meningkatkan kesedaran segera berkenaan tahap kesedaran aktiviti fizikal.

Berjalan merupakan aktiviti fizikal yang popular kerana semua lapisan masyarakat dapat melakukannya, memerlukan kemahiran yang sedikit dan kurang berisiko untuk mendapat kecederaan (Murphy et al, 2006). Aktiviti berjalan boleh





dilakukan dengan perlbagai tahap kelajuan (berintensiti), dijalankan secara berseorangan ataupun berkumpulan tanpa memerlukan peralatan dan pakaian yang khusus.

Pedometer merupakan alat elektronik yang mempunyai kelebihan untuk mengesan pergerakan ambulatori seperti berjalan dan berlari dapat membantu mempromosi perubahan tingkah laku masyarakat. Menurut Lutes dan Steinbaugh (2010) terdapat tiga meta-analisis dalam kajian menunjukkan pedometer meningkatkan tahap aktiviti berjalan kepada 25 peratus (Bravata et al., 2007); memberi kesan yang positif terhadap aktiviti fizikal (Kang, Marshall, Barreira, & Lee, 2009); menurunkan tekanan darah (Bravata et al., 2007) dan mempromosi pengurangan berat badan (Richardson et al., 2008).



Pengukuran terus (*direct measures*) menggunakan ujian makmal dapat mengukur aktiviti fizikal, walau bagaimanapun teknologi ini selalunya mahal dan membebankan individu (Gabriel et al., 2012); terhad kepada penggunaan di makmal, klinik dan bertujuan untuk kajian penyelidikan kerana kos yang mahal, memerlukan peralatan yang khusus dan dikendalikan oleh kakitangan yang terlatih (Cao et al., 2009). Oleh itu, ujian lapangan dijadikan kaedah lain untuk mendapatkan anggaran nilai VO₂max untuk menilai tahap kecergasan yang boleh digunakan oleh orang ramai.





Menurut Shepard, Bailey dan Mirwald (1976), ujian lapangan yang mudah dan dapat menunjukkan keadaan fizikal semasa serta boleh ditadbirkan sendiri dapat membantu memotivasiakan peningkatan minat masyarakat untuk menjalani gaya hidup sihat.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Jonker et al. (2006), kematian akibat penyakit kardiovaskular dilaporkan dengan meluas pada pelbagai peringkat umur dalam kalangan masyarakat. Mokdad, Marks, Stroup dan Gerberding (2004) menyatakan gaya hidup yang tidak aktif adalah faktor utama penyebab penyakit-penyakit kardiovaskular dan amalan penggunaan tembakau turut menjadi salah satu punca utama penyebab kematian.



2011, bilangan kematian sebagai akibat CVD di Malaysia mencapai tahap sehingga 22,701 orang atau 22.18 peratus daripada jumlah keseluruhan (Mariatul Qatiah Zakaria, 2012). Menurut Pakar Kardiologi Pusat Perubatan Prince Court, Dr Yap Yee Guan, kematian mengejut dalam kalangan golongan muda sebagai akibat serangan jantung semakin meningkat setiap tahun (Mariatul Qatiah Zakaria, 2012). Pernyataan ini disokong oleh Ruiz, Ortega dan Gutierrez (2006) menyatakan perubahan gaya hidup memberi kesan terhadap tahap kesihatan yang membawa kepada beban penyakit yang tinggi. Punca utama morbiditi dan mortaliti ialah penyakit jantung koronari, strok, obesiti, hipertensi, diabetes jenis 2, alahan dan beberapa jenis kanser (Ruiz et al., 2006).





Memandangkan banyak penyakit kronik, kehidupan gaya hidup yang tidak aktif, kadar obesiti yang semakin meningkat maka keutamaan kesihatan awam perlu diberi lebih perhatian seperti menggalakkan penyertaan dalam sukan, senaman dan aktiviti rekreatif (Ham et al., 2009). Maka dengan itu, adalah wajar merumuskan cadangan pencegahan yang berkesan dan strategi yang bermula daripada awal (Gutin, Yin, Humphries, & Barbeau, 2005).

Setelah kita memutuskan bahawa kita perlu bersenam, maka kita seharusnya menilai tahap kecergasan semasa. Menurut Dolgener, Hensley, Marsh dan Fjelstul (1994) pengukuran terus (*direct measurement*) VO_{2max} merupakan cara pengukuran terbaik untuk mengukur kecergasan kardiovaskular. Sungguhpun ujian makmal dapat mengukur VO_{2max} dengan tepat kerana menggunakan prosedur dan alatan yang disahkan serta memerlukan pemantauan daripada kakitangan yang terlatih semasa menjalankan ujian. Namun begitu, prosedur ini memerlukan masa pengujian yang panjang dan sumber kewangan yang banyak, mahal, alatan yang khusus dan tidak mudah dibawa di luar makmal (Baumgartner et al., 2007; Castro-Pinero et al., 2009; Dolgener et al., 1994; Focht, 2009; Grant, Corbett, Amjad, Wilson, & Aitchison, 1995; Miller, 2006; Noonan & Dean, 2000). Sehubungan itu, masalah-masalah yang dinyatakan akan mengurangkan minat orang awam untuk melakukan aktiviti kecergasan fizikal kerana tidak semua individu dapat masuk ke makmal untuk mengetahui tahap kecergasan mereka.

Sehubungan itu, ujian lapangan dijadikan alternatif untuk mendapatkan anggaran nilai VO_{2max}. Kelebihan ujian lapangan dapat mengukur prestasi peserta dalam bilangan yang ramai, di samping mudah untuk ditadbir serta mampu untuk





mencapai objektif pengukuran prestasi tanpa menggunakan alatan makmal (Buono, Roby, Micale, Sallis, & Shepard, 1991; Castro-Pinero et al., 2009; Cooper, 1968; Cooper et al., 1971; Handcock & Knight, 1986). Namun begitu terdapat juga kekangan dalam ujian lapangan seperti Ujian Cooper dan Ujian Larian Pelbagai Peringkat 20 meter memerlukan subjek mempunyai tahap motivasi yang tinggi untuk mendapatkan usaha yang maksimum untuk mencapai prestasi anggaran VO_{2max} (Grant, Josept, & Campagne, 1999); ujian melangkah (*step test*) tidak sesuai untuk orang yang tiada kesimbangan badan kerana penggunaan susur tangan tidak dinyatakan dalam prosedur dan sukar memantau subjek ketika melangkah; ujian larian 12 minit hanya sesuai untuk orang yang mempunyai tahap kecergasan yang tinggi; Ujian Larian Pelbagai Peringkat 20 meter mendatangkan masalah kepada subjek yang berumur untuk mengikut rentak signal bunyi ‘beep’ bagi setiap larian (Noonan & Dean, 2000); subjek mempunyai pelbagai alasan untuk mengelak daripada ujian melakukan ujian larian 1 batu kerana ujian tersebut memerlukan mereka menggunakan tenaga yang paling maksimum untuk mencapai VO_{2max} (Hopple & Graham, 1995).

Untuk mengatasi masalah tersebut, kajian ini bertujuan mencadangkan pembinaan dan pengesahan Ujian Berjalan Pedometer untuk menganggar kecergasan fizikal (anggaran VO_{2max}). Pedometer ialah sejenis alat yang digunakan pada masa kini untuk mengukur langkah. Semua golongan masyarakat boleh melakukan ujian ini kerana dengan hanya menggunakan alat pedometer, jam dan kawasan permukaan yang rata, individu boleh menjalankan ujian tanpa mengira masa dan tempat. Selain itu, individu dapat memantau sendiri serta menilai keputusan tanpa perlu bantuan pihak ketiga. Ujian ini merupakan ujian yang dapat memenuhi objektif pemantauan

